**NO. SOALAN : 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA**
**PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]** |
| **TARIKH** | **:** | **12 OGOS 2020 (RABU)** |

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jaminan Kerajaan supaya lapangan terbang di seluruh negara sentiasa bebas dan selamat daripada ancaman wabak COVID19.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Bagi memastikan lapangan terbang di seluruh negara sentiasa bebas dan selamat daripada ancaman wabak COVID19, Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) telah menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi sektor pengangkutan udara di lapangan terbang.

2. Menurut SOP tersebut, semua penumpang dan kru penerbangan termasuklah kakitangan-kakitangan di lapangan terbang perlu menjalani saringan suhu badan menggunakan thermal scanner atau hand held thermometer sebelum memasuki bangunan terminal, serta di pintu perlepasan dan ketibaan bagi memastikan hanya penumpang yang sihat dibenarkan memasuki terminal dan menaiki pesawat.

3. Penumpang yang bergejala dan suhu badannya melebihi 37.5 tidak dibenarkan memasuki terminal ataupun menaiki pesawat dan perlu

mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Selain itu, pemakaian pelitup muka diwajibkan kepada semua individu yang memasuki dan tiba di terminal lapangan terbang.

4. Di samping itu, amalan penjarakan sosial dilaksanakan di kawasan umum lapangan terbang melalui tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi kecuali di pintu pelepasan kecuali di pintu perlepasan (boarding gate) sebelum memasuki pesawat dalam terminal lapangan terbang.

5. Pihak operator lapangan terbang juga telah mengambil tindakan-tindakan yang proaktif dalam memastikan kesihatan dan keselamatan penumpang-penumpang di lapangan terbang sentiasa terjamin. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

a. melakukan sanitasi nyahkuman dua kali sehari di fasiliti-fasiliti di lapangan terbang seperti kaunter, rel, troli, tempat duduk, self-check in counter, tempat mengambil bagasi dan lain-lain;

b. menetapkan penjarakan sosial 1 meter di antara penumpang-penumpang di tempat duduk, kaunter daftar masuk dan kaunter-kaunter perkhidmatan kerajaan yang lain;

c. menyediakan hand sanitizer di tempat-tempat awam di sekitar lapangan terbang tersebut seperti pintu masuk, balai pelepasan, balai ketibaan, tandas awam dan kaunter informasi; dan

d. membuat pengumuman berkaitan dengan tatacara penjarakan sosial yang berterusan juga dilaksanakan di terminal lapangan terbang.

Sekian, terima kasih.